

19 FEB 2003

Sukan-Ironman (Cacat)/Bergambar/I

ATLET KURANG UPAYA AKUI IRONMAN LANGKAWI LEBIH MENCABAR

LANGKAWI, 19 Feb (Bernama) -- Atlet kurang upaya Randy Cadell dari Amerika Syarikat mengakui bahawa Kejohanan Ironman Triatlon Malaysia Langkawi 2003 di sini Ahad ini dijangka lebih mencabar berbanding kejohanan Ironman Dunia di Kona Island, Hawaii pada Oktober depan.

"Saya suka membuat latihan di Langkawi kerana venuhiya lebih mencabar berbanding Hawaii dari segi laluan terutama disiplin renang. Saya merasakan jaraknya agak lebih jauh, terus menerus, walaupun jauhnya adalah sama (3.8km)," katanya kepada pemberita selepas membuat latihan di sini hari ini.

"Matlamat saya ialah untuk mencatat masa di bawah 12 jam dan saya akan melakukan yang terbaik tahun ini selepas gagal menghabiskan kejohanan tahun lepas semasa disiplin renang ekoran masalah kesihatan," katanya.

Cadell mempunyai catatan terbaik 11 jam 39 minit dalam kejohanan di California pada 1997.

Peserta veteran itu yang telah mengambil bahagian dalam 26 kejohanan Ironman merupakan satu-satunya peserta kurang upaya luar negara di samping seorang lagi peserta kurang upaya tempatan Mahathir Ejin Dinting dari Sarawak.

Cadell, yang bergerak dengan kerusi roda akan menggunakan basikal roda tiga khas dalam kejohanan di Langkawi.

"Rekod terbaik saya di sini ialah 12 jam 35 minit dan sekiranya saya boleh membaikinya dengan 30 minit, ia sesuatu yang membanggakan," katanya.

Cadell yang tiba semalam membuat latihan dalam tiga disiplin.

Semua peserta perlu berenang sejauh 3.8km, berbasikal sejauh 180.2km dan berlari sejauh 42.2km di bawah catatan masa 17 jam untuk menerima gelaran Ironman.

-- BERNAMA

NH HM